

**MINIT MESYUARAT KAJIAN SEMULA PENGURUSAN (MKSP) ISO UPM
TAHUN 2017
(QMS ISO 9001 KALI KETUJUH, ISMS ISO/IEC 27001 KALI KEENAM DAN
EMS ISO 14001 KALI KEEMPAT)
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA**

Tarikh : 23 Ogos 2017
 Masa : 2.30 petang
 Tempat : Bilik Mesyuarat Utama, Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan
 Kehadiran : Lampiran A

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
7.1	KATA ALUAN Pengerusi Pengerusi: (a) mengalu-alu kehadiran ahli mesyuarat ke Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan (MKSP) tahun 2017 yang merupakan kali kedua menggabungkan tiga ISO iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 kali ketujuh, Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) kali Keenam, dan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001 kali Keempat; (b) mengimbas semula keahlian dan terma rujukan (TOR) MKSP serta struktur pengurusan dan pemantauan keseluruhan kualiti ISO sebagaimana Lampiran 1 ; (c) memaklumkan berkaitan klausa standard bagi keperluan pelaksanaan MKSP, pengurusan dan penambahbaikan kualiti bagi pengekalan 3 pensijilan, Dasar Kualiti, Dasar Keselamatan Maklumat, Dasar Pengurusan Alam Sekitar serta skop pensijilan bagi QMS, ISMS dan EMS.	Makluman Makluman Makluman
7.2	PENGESAHAN MINIT MESYUARAT Minit Mesyuarat Kajian Semula Pengurusan ISO 2016 QMS ISO 9001 kali Ketujuh, ISMS kali Keenam, dan EMS ISO 14001 kali Keempat yang telah diadakan pada 30 Jun 2016 disahkan tanpa sebarang pindaan.	Makluman
7.3	TINDAKAN SUSULAN DARIPADA MESYUARAT LEPAS Mesyuarat dimaklumkan berkenaan tindakan susulan yang telah dilaksana daripada mesyuarat yang lepas sebagaimana Lampiran 2 .	Makluman dan tindakan sebagaimana lampiran

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
7.4	ISU LUARAN DAN DALAMAN UNIVERSITI Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan isu luaran dan dalaman universiti yang telah dibentang oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti adalah seperti di Lampiran 3. Mesyuarat seterusnya mengambil tindakan terhadap perkara berikut: (a) mengambil maklum bahawa fokus MKSP 2017 adalah untuk memenuhi keperluan Standard MS ISO 9001:2015, di bawah klausa 4.1 iaitu berkaitan penentuan isu luaran dan dalaman yang relevan dengan matlamat dan arah tuju strategik dan memberi kesan kepada pencapaian keputusan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) yang dihasratkan. (b) mengambil maklum UPM telah mengenalpasti dan menentukan isu dalaman dan luaran yang relevan terhadap matlamat dan arah tuju strategik, siapa pihak berkepentingan dan apa yang mereka perlukan menerusi siri Bengkel Semakan dan Pengemaskinian Dokumen (Semakan Skop Berasaskan Klausa 4.1, 4.2, 4.3 dan 5.2) pada 7, 8, 15 dan 16 Februari 2017 mengikut kumpulan entiti/PTJ, iaitu: - Pejabat Naib Canselor; - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa); - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni); - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi); - Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat); dan - Entiti Sokongan. (c) mengambil perhatian bahawa maklumat isu dalaman dan luaran serta pihak berkepentingan dan keperluan mereka yang telah dikenalpasti/ditentukan dalam membuat perancangan SPK telah dijadikan lampiran di dalam Manual Kualiti (UPM/PGR/MK) (Lampiran 1a-h: PTJ, Skop SPK dan Proses Utama, Isu Dalaman dan Isu Luaran dan Pihak Berkepentingan). Dokumen ini telah berkuatkuasa pada 20 Jun 2017 dan dipaparkan dalam Portal e-ISO untuk rujukan semua pekerja. (d) mengambil perhatian bahawa semakan/pemantauan berkala isu luaran dan dalaman dan pihak berkepentingan akan dilaksanakan sekali setahun iaitu pada setiap akhir tahun dan akan dibawa untuk pelaporan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti (JKK) kali pertama pada tahun berikutnya sebagaimana yang telah dipersetujui dalam Mesyuarat JKK Kali ke-36 (Khas) pada 10 Ogos 2017. Bagi tahun 2017, hanya laporan pemantauan setengah tahun iaitu bagi tempoh Julai hingga Disember 2017 akan dibawa dan dibentangkan dalam Mesyuarat JKK Kali Pertama tahun 2018 mengambilkira tempoh bermulanya kuatkuasa Standard MS ISO 9001:2015 adalah pada 1 Jun 2017. (e) mengambil perhatian bahawa laporan perubahan isu dalaman dan luaran sepertimana keperluan klausa 9.3.2 (Input Kajian Semula) Standard MS ISO 9001:2015 hanya dapat dilaporkan pada MKSP tahun berikutnya memandangkan ianya pertama kali diwujudkan pada tahun 2017.	Makluman Makluman Semua Ketua PTJ dan Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan (KBPKP), CQA KBPKP CQA

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
7.5	PRESTASI DAN KEBERKESANAN PENGURUSAN ISO 7.5.1 PENEMUAN AUDIT 7.5.1.1 Penemuan Audit QMS (a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM menerusi pembentangan oleh Penyelaras Audit (PAD), serta mengambil tindakan berikut: i. mengambil maklum audit telah dilaksana pada 19 hingga 29 Jun 2016. Seramai tujuh (7) orang Juruaudit terlibat sepanjang pengauditan iaitu Cik Hanida Ghazali (Ketua Juruaudit), Hj Shahanif Hasan, Puan Asiyah Haron, Dr. Montaj Mustakim, Encik Rajakumaran a/l Karnagaran, Puan Noridah Yahya dan Cik Efizan Zamri. ii. mengambil maklum 29 lokasi audit/sampel Pusat Tanggungjawab (PTJ) adalah seperti berikut: • Akademi Sukan • Bahagian Audit Dalam • Bahagian Hal Ehwal Pelajar • Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik • Fakulti Ekologi Manusia • Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan • Fakulti Rekabentuk dan Senibina • Fakulti Sains dan Teknologi Makanan • Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan • Institut Pengajian Sains Sosial • Kolej 12 • Kolej 14 • Kolej 17 • Kolej 6 • Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset • Pejabat Penasihat Undang-Undang • Pejabat Pendaftar • Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan • Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi • Penerbit • Perpustakaan Sultan Abdul Samad • Pusat Alumni • Pusat Islam • Pusat Jaminan Kualiti • Pusat Pembangunan Akademik • Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi • Pusat Pengurusan Penyelidikan Universiti • Pusat Sukan • Sekolah Pengajian Siswazah	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	iii. mengambil maklum hasil penemuan audit, UPM telah menerima sebanyak dua (2) laporan ketakakuran (NCR) dan lapan (8) peluang penambahbaikan (OFI). Bengkel pelan tindakan telah dilaksanakan yang melibatkan Peneraju Proses dan PTJ yang terlibat bagi tujuan penutupan audit.	Makluman
	iv. mengambil maklum pelan tindakan bagi dua (2) NCR telah dihantar kepada pihak SIRIM (Ketua Juruaudit) pada 23 Ogos 2016 (dalam tempoh 1 bulan selepas mesyuarat penutupan audit). Manakala bukti pelaksanaan tindakan pembetulan telah dihantar pada 26 Oktober 2016 (dalam tempoh 3 bulan selepas tarikh penutupan). Seterusnya, penutupan penemuan NCR telah disahkan pada 9 Disember 2016.	Makluman
	v. mengambil makluman berkaitan maklum balas tindakan pelaksanaan OFI hasil daripada bengkel Pemurnian Penemuan Audit SIRIM pada 17 Ogos 2016 telah diedarkan kepada semua PTJ yang terlibat termasuk Peneraju dan PTJ lain yang berkaitan dengan OFI bagi memastikan penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang.	Makluman
	vi. mengambil maklum pemantauan pelaksanaan tindakan OFI dilaksanakan secara berkala melalui emel dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ISO UPM. Hasil pemantauan tindakan adalah sebagaimana Lampiran 4. Bukti pelaksanaan tindakan OFI akan disemak semula oleh pihak SIRIM pada Audit Pemantauan Semakan 2 yang akan diadakan pada 11 hingga 26 September 2017.	Makluman
	vii. mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 dan meminta supaya penemuan OFI yang ditemui perlu juga diambil tindakan oleh semua PTJ (sama ada PTJ yang menjadi sampel audit atau tidak) supaya penemuan yang sama tidak berulang di lokasi/PTJ lain semasa audit badan pensijilan akan datang. (b) Audit Dalaman QMS 2017 Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Audit Dalaman QMS 2017 menerusi pembentangan oleh Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD QMS), serta mengambil tindakan berikut:	Semua Ketua PTJ dan Timbalan Wakil Pengurusan (TWP)
	i. mengambil maklum audit dalaman QMS Universiti Putra Malaysia 2017 telah dijalankan pada 10 hingga 14 Julai dan 17 hingga 20 Julai 2017. Audit dalaman pada tahun ini menggunakan Standard baharu iaitu MS ISO 9001:2015 berbanding tahun sebelum ini MS ISO 9001:2008.	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	ii. mengambil maklum objektif audit untuk menentukan sama ada Universiti Putra Malaysia melaksanakan Pengurusan Kualiti berdasarkan keperluan standard MS ISO 9001:2015 dengan efektif selaras dengan Dasar Kualiti dan Objektif Kualiti UPM, melihat penambahbaikan yang bersesuaian bagi peningkatan berterusan, dan bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan Semakan Kedua, oleh badan pensijilan (SIRIM).	Makluman
	iii. mengambil maklum kriteria audit dalaman dijalankan berdasarkan dokumen, proses kerja dan rujukan berikut: • Standard MS ISO 9001:2015; • Dokumentasi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS); • Akta dan Peraturan berkaitan; dan • Rujukan lain yang dinyatakan dalam Manual Kualiti /proses kerja.	Makluman
	iv. mengambil maklum kaedah audit yang digunakan oleh Juruaudit adalah: • Semakan maklumat iaitu rekod dan dokumen. Semakan dibuat bermula dari 30 Julai 2016 (Selepas audit badan pensijilan lepas) hingga bermula audit (<i>Review</i>); • Pemerhatian pelaksanaan aktiviti (<i>Observe</i>); • Pengujian fungsi peralatan (<i>Test</i>); dan • Temubual auditi (<i>Interview</i>).	Makluman
	v. mengambil maklum skop audit adalah perkhidmatan pengajian pendidikan di peringkat <i>tertiary</i>, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan, perhubungan industri dan masyarakat, pengurusan pembangunan pelajar dan alumni, dan perkhidmatan korporat. Skop ini merangkumi semua aktiviti pengajaran dan pembelajaran prauniversiti, prasiswazah (kecuali persediaan Diploma Sains) dan siswazah, pengurusan dan pelaksanaan penyelidikan dan perkhidmatan sokongan.	Makluman
	vi. mengambil maklum lokasi audit adalah semua PTJ di UPM Kampus Serdang dan UPM Kampus Bintulu termasuk lima (5) entiti/PTJ baharu iaitu Institut Kajian Perladangan, Pusat Antarabangsa, Pusat Pemajuan Kompetensi Bahasa, Pusat Sains Marins dan Pusat Pengurusan Wakaf, Zakat dan Endowmen.	Makluman
	vii. mengambil maklum seramai 102 orang Juruaudit Dalaman Universiti dan 266 orang Juruaudit Dalaman Pusat Tanggungjawab (PTJ) telah melaksanakan audit pada tarikh yang ditetapkan. Pasukan audit telah dibahagikan kepada enam (6) kumpulan (A, B, C, D, E dan F) dan sebanyak 43 sub-kumpulan.	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	viii. mengambil maklum pelaksanaan audit dalaman ini diketuai oleh Tuan Haji Mat Razi Abdullah dari Pusat Islam sebagai KJAD dan dibantu oleh Tuan Haji Nasruddin Yahya dari Fakulti Ekologi Manusia sebagai Timbalan KJAD.	Makluman
	ix. mengambil makluman terhadap enam (6) kekuatan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM, iaitu: • perancangan bagi memastikan pengekalan Pensijilan Sistem pengurusan Kualiti ISO 9001 termasuk proses peralihan daripada standard versi 2008 kepada 2015 dilaksanakan dengan teratur; • UPM menambahkan baik pelaksanaan Audit ISO melalui sistem Portal Jaminan Kualiti (PortalCQA); • keberadaan dokumen QMS sentiasa tersedia dan boleh dirujuk oleh semua staf menerusi Putra-ID masing-masing. Capaian sistem e-ISO boleh diakses di luar kampus; • komitmen pihak Pengurusan Universiti dan Pusat Jaminan Kualiti serta Pengurusan PTJ dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti adalah sangat baik; • UPM telah menentukan Objektif Kualiti secara jelas yang merangkumi KPI UPM, Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras serta Piagam Pelanggan sebagai 'tool' untuk pencapaian Matlamat Pelan Strategik UPM; • pelaksanaan EMS, ISMS dan Amalan Persekitaran Berkualiti (5S/EKSA) membantu dalam pengekalan QMS.	Makluman
	x. mengambil perhatian terhadap empat (4) kelemahan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM, iaitu: • pengurangan peruntukan kewangan kepada PTJ memberi kesan kepada pelaksanaan program dan aktiviti di PTJ terutama aktiviti penyelenggaraan/ baik pulih. PTJ perlu merancang dan melaksana aktiviti penjimatan dan pendanaan pendapatan supaya proses perkhidmatan di PTJ tidak terjejas.	Ketua PTJ

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	- perlu memberi perhatian dan tindakan segera ke atas NCR yang berulang seperti: - penyediaan rekod berkaitan pengajaran dan pembelajaran; - penggunaan dokumen lapuk masih lagi berlaku; - laporan kemajuan penyelidikan lewat/tidak dihantar; - infrastruktur bangunan kolej kediaman yang diserahkan kepada PJS Dev. Sdn. Bhd. dan UPM Holdings tidak diselenggara dengan baik; - alat pemadam api luput tarikh. - pelaksanaan proses berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di PTJ perlu dipertingkatkan. - UPM perlu meneliti struktur di Pusat Jaminan Kualiti agar proses pemantauan keberkesanan pelaksanaan ISO dapat dimantapkan. xi. mengambil maklum hasil daripada audit dalaman yang telah dijalankan beberapa Laporan Ketakakuran (NCR) dan peluang penambahbaikan (OFI) telah direkodkan. Laporan penemuan audit telah dibentang semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman pada 27 Julai 2017. Bilangan penemuan audit adalah sebanyak 157 NCR dan 152 OFI, manakala perincian bagi penemuan audit mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ), Klausu dan Proses adalah sebagaimana Lampiran 5. xii. mengambil maklum edaran secara <i>online</i> penemuan audit kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD) adalah pada 31 Julai 2017. Sehubungan itu, cadangan tarikh bagi penutupan audit adalah pada 29 Ogos 2017. Mesyuarat dimaklumkan bahawa penetapan tarikh sebenar tindakan bagi penutupan audit dalaman adalah berdasarkan tarikh yang dinyatakan atau tarikh lain yang dipersetujui antara PTJ dan Juruaudit mengikut kesesuaian tempoh tindakan.	TWP Prasiswazah dan TWP Siswazah Semua TWP TWP Penyelidikan dan Inovasi TWP Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) & TWP Kolej TWP Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Pengarah Pusat Jaminan Kualiti & TWP Pejabat Pendaftar Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	xiii. mengambil perhatian bahawa maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapkan oleh TWP atau TPAD melalui Portal Jaminan Kualiti (Portal CQA) secara <i>online</i> di bawah pautan Audit Dalaman. xiv. mengambil maklum laporan kesimpulan pelaksanaan audit dalaman oleh Ketua Juruaudit iaitu: Audit Dalaman QMS kali ini telah dilaksanakan mengikut perancangan dengan baik. Terima kasih kepada semua Juruaudit dan Auditi yang telah memberi komitmen yang tinggi. Secara keseluruhannya, QMS telah dilaksanakan di UPM berdasarkan sistem yang telah dibangunkan. UPM bersedia menghadapi audit Badan Pensijilan jika ketakakuran diambil tindakan berdasarkan punca sebenar dan penambahbaikan yang dicadangkan daripada penemuan audit dapat dilaksanakan. 7.5.1.2 Penemuan Audit ISMS (a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 1 oleh SIRIM menerusi pembentangan oleh Penyelaras Audit (PAD), serta mengambil tindakan berikut: i. mengambil maklum audit telah dilaksanakan pada pada 31 Ogos 2016 (Semasa pendaftaran pelajar baharu pada Minggu Perkasa Putra) dan 29 hingga 30 September 2016. Sepanjang audit, seramai lima (5) orang Juruaudit telah terlibat iaitu Puan Nur Aisya Mohd Zamri (Ketua Juruaudit), Cik Noridah Yahya, Puan Sazlin Alias dan Cik Efizan Zamri. ii. mengambil maklum lokasi audit/sampel Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terpilih semasa audit tersebut adalah seperti berikut: 31 Ogos 2016 (Minggu Perkasa Putra Semester Pertama Sesi 2016/2017) melibatkan di 2 lokasi zon pendaftaran iaitu Zon 1 (Melibatkan pendaftaran Kolej Kedua, Kolej Tun Dr. Ismail, Kolej Canselor, Kolej Kelima, Kolej Keenam, Kolej Sultan Alaeddin Suleiman Shah) dan Zon 3 (Melibatkan pendaftaran Kolej Mohamed Rashid, Kolej Kedua Belas, Kolej Keempat Belas, Kolej Kelima Belas, Kolej Keenam Belas). 29 hingga 30 September 2016 melibatkan Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Bahagian Keselamatan, Pusat Jaminan Kualiti (CQA), Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, Pusat Kesihatan	Semua TWP dan TPAD Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	Universiti, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Bursar, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi. iii. mengambil maklum hasil Audit Pemantauan Semakan 1, Universiti Putra Malaysia (UPM) tidak menerima laporan ketakakuran (NCR), hanya menerima lapan (8) peluang penambahbaikan (OFI). iv. mengambil maklum laporan penemuan OFI telah diedarkan kepada semua Peneraju yang terlibat pada 17 Oktober 2016 untuk mengambil tindakan. Pemantauan pelaksanaan tindakan OFI dilaksanakan secara berkala melalui emel dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ISO UPM. v. mengambil maklum hasil pemantauan tindakan adalah sebagaimana Lampiran 6, manakala bukti pelaksanaan tindakan OFI akan disemak semula oleh pihak SIRIM pada Audit Pemantauan Semakan 2 yang akan diadakan pada 6 September dan 2 hingga 3 Oktober 2017. vi. mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 dan akan disemak semula pelaksanaan dan keberkesanan tindakan semasa Audit Badan Pensijilan tahun 2017. (b) Audit Dalam ISMS 2017 Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Audit Dalam ISMS 2017 menerusi pembentangan oleh Ketua Juruaudit Dalam (KJAD ISMS) serta mengambil tindakan berikut: i. mengambil maklum audit dalaman Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) Universiti Putra Malaysia tahun 2017 telah dijalankan pada 5 hingga 8 Jun 2017. ii. mengambil maklum objektif audit untuk menentukan sama ada Universiti Putra Malaysia melaksanakan pengurusan keselamatan maklumat berdasarkan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013 dengan efektif selaras dengan Peraturan Keselamatan ICT UPM serta objektif dan sasaran Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat UPM, melihat penambahbaikan yang bersesuaian bagi peningkatan berterusan, dan bersedia untuk menghadapi Audit Pemantauan Semakan Kedua, oleh badan pensijilan (SIRIM).	Makluman Makluman Makluman Semua Ketua PTJ dan Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) di bawah skop ISMS Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	iii. mengambil maklum kriteria audit dalaman dijalankan berdasarkan dokumen dan rujukan berikut: • Standard MS ISO/IEC 27001:2013; • dokumentasi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) UPM yang berkaitan; • Akta dan Peraturan berkaitan; dan • rujukan lain yang dinyatakan dalam Manual/Prosedur.	Makluman
	iv. mengambil maklum kaedah audit yang digunakan oleh Juruaudit adalah: • semakan maklumat iaitu rekod dan dokumen. Semakan dibuat bermula dari 3 Oktober 2016 (Selepas audit badan pensijilan lepas) hingga bermula audit (<i>Review</i>); • pemerhatian pelaksanaan aktiviti (<i>Observe</i>); • pengujian fungsi peralatan (<i>Test</i>); dan • temubual auditi (<i>Interview</i>).	Makluman
	vii. mengambil maklum skop pengauditan adalah seperti berikut: • Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat hanya melibatkan proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra; • Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Data bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah; dan • Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat untuk Pengoperasian Pusat Pemulihan Bencana bagi proses Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah.	Makluman
	v. mengambil maklum lokasi audit adalah seperti berikut: • semua Kolej Kediaman di Kampus Serdang dan Kampus Bintulu; • Pusat Data Utama (DC) (iDEC -BETA); • Pusat Pemulihan Bencana (DRC) (iDEC - EPSILON); • Peneraju dan entiti/PTJ di bawah skop ISMS iaitu Pusat Jaminan Kualiti, Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik, Pejabat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi, Pejabat Penasihat Undang-Undang, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, Pejabat Pendaftar, Pejabat Bursar, Pusat Kesihatan Universiti, Bahagian Hal Ehwal Pelajar, Bahagian Keselamatan dan Perpustakaan Sultan Abdul Samad.	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	vi. mengambil maklum seramai 41 orang Juruaudit yang mempunyai kelayakan untuk mengaudit Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat telah melaksanakan audit pada tarikh yang ditetapkan. Pasukan audit telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu A, B dan C dan sebanyak 7 sub-kumpulan.	Makluman
	vii. mengambil maklum pelaksanaan audit dalaman ini diketuai oleh Encik Krishnan Mariappan dari Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi sebagai Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD) ISMS dan Tuan Sayid Mohamad Nazari Sayid Ismail dari Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi sebagai Timbalan KJAD ISMS.	Makluman
	viii. mengambil maklum terhadap tujuh (7) kekuatan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM, iaitu: - tindakan Pengurusan Universiti Putra Malaysia (UPM) untuk meluaskan skop ISMS ke UPM Kampus Bintulu menunjukkan komitmen UPM, Pusat Jaminan Kualiti (CQA) dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) serta semua Peneraju Proses adalah tinggi dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat; - ketersediaan dan kebolehcapaian maklumat terdokumen adalah baik serta memenuhi keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013; - penilaian risiko dan rawatan terhadap risiko yang dikenalpasti telah dilaksanakan dengan baik dan memenuhi keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013; - pengoperasian Pusat Data Utama dan Pusat Pemulihan Bencana adalah pada tahap terkawal, selamat dan memenuhi keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013; - kefahaman dan pembudayaan terhadap keselamatan maklumat telah meningkat dalam kalangan staf di Kampus Serdang terutamanya staf Kolej dan staf Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi;	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	- tindakan terhadap ketakakuran dan cadangan penambahbaikan telah dilaksanakan oleh Peneraju Proses dan dipantau oleh Pusat Jaminan Kualiti (CQA); - pelaksanaan proses kerja yang baik dan teratur mengikut carta alir yang telah diwujudkan untuk proses pendaftaran pelajar baharu di UPM Kampus Bintulu ix. mengambil perhatian tiga (3) kelemahan yang dilaporkan oleh Ketua Juruaudit Dalaman UPM, iaitu: - perubahan pada maklumat terdokumen berikutan peluasan skop masih belum dilaksanakan dengan sepenuhnya; - tahap kefahaman tentang Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dalam kalangan staf UPM Kampus Bintulu adalah pada tahap yang rendah; - pembahagian tugas dan tanggungjawab masih perlu diperincikan mengikut portfolio yang betul di UPM Kampus Bintulu. x. mengambil maklum hasil daripada audit dalaman yang telah dijalankan beberapa NCR dan OFI telah direkodkan. Laporan penemuan audit telah dibentang semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman pada 22 Jun 2017. Bilangan penemuan audit adalah 14 NCR dan 13 OFI, manakala perincian bagi penemuan audit mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ) dan Klausa adalah sebagaimana Lampiran 7. xi. mengambil maklum edaran secara <i>online</i> penemuan audit kepada semua Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) dan Timbalan Penyelaras Audit (TPAD) di bawah skop ISMS adalah pada 3 Julai 2017 mengambil kira cuti Hari Raya Aidilfitri. Sehubungan itu cadangan tarikh bagi penutupan penemuan audit adalah pada 31 Julai 2017. Walau bagaimanapun, penetapan tarikh sebenar tindakan bagi penutupan audit dalaman adalah berdasarkan tarikh yang dinyatakan atau tarikh lain yang dipersetujui oleh Juruaudit mengikut kesesuaian tempoh tindakan. xii. mengambil perhatian maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapi oleh TWP atau TPAD melalui Portal Jaminan Kualiti (Portal CQA) secara <i>online</i> di bawah pautan Audit Dalaman.	Wakil Pengurusan & TWP ISMS Wakil Pengurusan & TWP ISMS Ketua PTJ dan TWP Kampus Bintulu Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	xiii. mengambil maklum laporan kesimpulan pelaksanaan audit dalaman oleh Ketua Juruaudit, iaitu: Hasil dari proses audit dalaman yang telah dijalankan, ketakakuran yang ditemui adalah menjurus kepada perancangan dan kawalan operasi, kawalan maklumat terdokumen dan tahap kefahaman staf berpunca dari peluasan skop ISMS ke UPM Kampus Bintulu. 7.5.1.3 Penemuan Audit EMS (a) Laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 2 oleh SIRIM Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Keberkesanan Penutupan Audit Pemantauan 2 oleh SIRIM menerusi pembentangan oleh Penyelaras Audit (PAD), serta mengambil tindakan berikut: i. mengambil maklum audit telah dilaksanakan pada telah dilaksana pada 10 hingga 12 Oktober 2016. Seramai empat (4) orang Juruaudit terlibat sepanjang pengauditan iaitu Puan Aernida Abdul Kadir (Ketua Juruaudit), Puan Ruzita Abd. Gani, Encik Tajul Arif Ariffin dan Puan Aminah Ang. ii. mengambil maklum lokasi audit/sampel PTJ adalah seperti berikut: • Pusat Jaminan Kualiti; • Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; • Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset; • Pejabat Penasihat Undang-Undang; • Taman Pertanian Universiti; • Fakulti Kejuruteraan; • Fakulti Pertanian; • Fakulti Perubatan Veterinar; • Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul; • Fakulti Perhutanan; • Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan. iii. mengambil maklum hasil penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, UPM telah menerima sebanyak satu (1) NCR dan tiga (3) OFI. Bengkel pelan tindakan telah dilaksanakan yang melibatkan Peneraju Proses dan PTJ yang terlibat bagi tujuan penutupan audit.	Makluman Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	iv. mengambil maklum pelan tindakan NCR telah dihantar kepada Ketua Juruaudit pada 8 November 2016 (dalam tempoh 1 bulan selepas Mesyuarat Penutupan Audit). Maklumbalas pengesahan persetujuan pelan tindakan telah diterima daripada Ketua Juruaudit bertarikh 15 November 2016. Seterusnya bukti tindakan pembetulan telah dihantar kepada pihak SIRIM pada 12 Januari 2016 (dalam tempoh 3 bulan selepas Mesyuarat penutupan audit) dan penutupan penemuan NCR telah disahkan pada 19 Januari 2017. v. mengambil maklum berkaitan maklum balas tindakan pelaksanaan OFI hasil daripada bengkel pada 16 November 2016 telah diedarkan kepada semua PTJ yang terlibat termasuk Peneraju dan PTJ lain yang berkaitan dengan OFI bagi memastikan penemuan yang sama tidak berulang pada audit akan datang. vi. mengambil maklum pemantauan pelaksanaan tindakan OFI dilaksanakan secara berkala melalui emel dan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti ISO UPM. Hasil pemantauan tindakan adalah sebagaimana Lampiran 8. Bukti pelaksanaan tindakan OFI akan disemak semula oleh pihak SIRIM pada Audit Pensijilan Semula yang akan diadakan pada 9 hingga 11 Oktober 2017. vii. mengambil perhatian status tindakan pelaksanaan OFI yang dilaporkan pada audit SIRIM tahun 2016 dan meminta supaya penemuan OFI yang ditemui perlu juga diambil tindakan oleh semua PTJ (sama ada PTJ yang menjadi sampel audit atau tidak) supaya penemuan yang sama tidak berulang di lokasi/PTJ lain semasa audit badan pensijilan akan datang. (b) Audit Dalaman EMS 2017 Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Audit Dalaman ISMS 2017 menerusi pembentangan oleh wakil Ketua Juruaudit Dalaman (KJAD EMS) serta mengambil tindakan berikut: i. mengambil maklum audit dalaman EMS Universiti Putra Malaysia 2017 telah dijalankan pada 13 hingga 16 Jun 2017. ii. mengambil maklum objektif audit iaitu untuk menentukan sama ada Universiti Putra Malaysia melaksanakan Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan standard MS ISO 14001:2004 dengan efektif selaras dengan dasar sistem pengurusan alam sekitar serta objektif dan sasaran UPM, melihat penambahbaikan yang bersesuaian bagi peningkatan berterusan, bersedia untuk menghadapi Audit Pensijilan Semula, oleh badan pensijilan (SIRIM).	Makluman Makluman Makluman Semua Ketua PTJ dan Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) di bawah skop EMS

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	iii. mengambil maklum audit dalaman dijalankan berdasarkan dokumen dan rujukan berikut: • Standard MS ISO 14001:2004; • dokumentasi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) UPM yang berkaitan; • akta dan peraturan berkaitan; dan • rujukan lain yang dinyatakan dalam Manual/Prosedur. iv. mengambil maklum kaedah audit yang digunakan oleh Juruaudit adalah: • Semakan maklumat iaitu rekod dan dokumen. Semakan dibuat bermula dari 13 Oktober 2016 (Selepas audit badan pensijilan lepas) hingga bermula audit (<i>Review</i>); • Pemerhatian pelaksanaan aktiviti (<i>Observe</i>); • Pengujian fungsi peralatan (<i>Test</i>); dan • Temubual auditi (<i>Interview</i>). v. mengambil maklum skop audit adalah penyediaan perkhidmatan pengajaran dan pembelajaran merangkumi proses pengajaran dan pembelajaran di semua fakulti, Pusat Asasi Sains Pertanian serta Taman Pertanian Universiti. vi. mengambil maklum lokasi audit adalah sebagaimana berikut: • Semua fakulti termasuk Kampus Bintulu; • Pusat Asasi Sains Pertanian; • Taman Pertanian Universiti termasuk Kampus Bintulu; • Peneraju dan entiti/PTJ di bawah skop EMS iaitu Pejabat Bursar, Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset (PPPA), Pejabat Pengurusan dan Keselamatan Pekerjaan (PPKKP), Taman Pertanian Universiti (TPU), Bahagian Hal Ehwal Pelajar (BHEP), Pusat Jaminan Kualiti (CQA), Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU), Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (COSCOMM), dan Pejabat Pendaftar vii. mengambil maklum seramai 44 orang Juruaudit yang mempunyai kelayakan untuk mengaudit Sistem Pengurusan Alam Sekitar telah melaksanakan audit pada tarikh yang ditetapkan. Pasukan audit telah dibahagikan kepada tiga kumpulan iaitu A, B dan C dan sebanyak 19 sub-kumpulan.	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	viii. mengambil maklum pelaksanaan audit dalaman ini diketuai oleh Encik Asrizam Esam dari Putra Sains Park sebagai KJAD EMS dan Encik Allan Lajot dari Fakulti Pertanian sebagai Timbalan KJAD. ix. mengambil makluman terhadap empat (4) kekuatan yang dilaporkan, iaitu: • komitmen pihak Pengurusan Universiti dan Pusat Jaminan Kualiti dalam pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) adalah sangat baik; • pengiktirafan Anugerah Kursi Tan Sri Dr. Ali Hamsa, <i>Environmental PEKA Award</i>, penarafan <i>UI-Greenmetric World University Ranking</i>, Program Penanaman Pokok di Fakulti Ekologi Manusia, menunjukkan komitmen dan konsistensi UPM di dalam mengekalkan pelaksanaan EMS; • pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) membantu dalam pengendalian pelaksanaan EMS; • penggunaan portal Jaminan Kualiti (portalCQA) yang baharu akan dapat membantu memudahkan pelaporan dan pemantauan proses audit dalaman. x. mengambil perhatian terhadap tiga (3) kelemahan yang dilaporkan, iaitu: • pelaksanaan kawalan operasi berdasarkan prosedur yang dibangunkan di peringkat Fakulti bagi pematuhan EMS dan undang-undang berkaitan masih lemah dan perlu dipantau dari masa ke semasa; • kurang kesedaran terhadap pelaksanaan dan pematuhan standard EMS di kalangan staf; • kurang komitmen daripada beberapa PTJ di dalam pelaksanaan Audit Dalaman yang telah dijalankan. xi. mengambil maklum hasil daripada audit dalaman yang telah dijalankan beberapa NCR dan Peluang Penambahbaikan (OFI) telah direkodkan. Laporan penemuan audit telah dibentangkan semasa Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman pada 22 Jun 2017. Bilangan penemuan audit adalah 47 NCR dan 40 OFI, manakala perincian bagi penemuan audit mengikut Pusat Tanggungjawab (PTJ), Klausa dan Proses adalah sebagaimana Lampiran 9.	Makluman Makluman Semua Ketua PTJ dan TWP di bawah skop EMS Semua Ketua PTJ dan TWP di bawah skop EMS Semua Ketua PTJ dan TWP di bawah skop EMS Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	xii. mengambil maklum edaran secara <i>online</i> penemuan audit kepada semua TWP dan TPAD di bawah skop EMS adalah pada 3 Julai 2017 mengambil kira cuti hari raya Aidilfitri. Sehubungan itu cadangan tarikh bagi penutupan audit adalah pada 31 Julai 2017. Mesyuarat dimaklumkan bahawa penetapan tarikh sebenar tindakan bagi penutupan audit dalaman adalah berdasarkan tarikh yang dinyatakan atau tarikh lain yang dipersetujui oleh Juruaudit mengikut kesesuaian tempoh tindakan. xiii. mengambil perhatian maklum balas bagi tindakan ke atas penemuan audit (NCR dan OFI) perlu dilengkapi oleh TWP atau TPAD melalui Portal Jaminan Kualiti (Portal CQA) secara <i>online</i> di bawah pautan Audit Dalaman. xiv. mengambil maklum laporan kesimpulan pelaksanaan audit dalaman iaitu: Audit Dalaman EMS kali ini telah dilaksanakan mengikut perancangan dengan baik. Terima kasih kepada semua Juruaudit dan Auditi yang telah memberi komitmen yang tinggi. Secara keseluruhannya, EMS telah dilaksanakan di UPM berdasarkan sistem yang telah dibangunkan dan UPM bersedia menghadapi audit Badan Pensijilan setelah penambahbaikan yang dicadangkan dari penemuan audit dapat dilaksanakan. Di antara penambahbaikan yang dicadangkan adalah seperti berikut: • menambah latihan kesedaran kepada staf berkaitan EMS termasuk objektif dan sasaran terkini, aspek impak persekitaran; • meningkatkan pemahaman EMS dengan melihat dokumentasi EMS melalui laman web Universiti luar negara yang telah mendapat pengiktirafan ISO 14001 sebagai contoh University of New South Wales, University of Leeds, Newcastle University, Clayton State University, City University of New York dan lain-lain; • meningkatkan penggunaan laman web Green@UPM, Facebook UPM sebagai medium komunikasi EMS yang lebih berkesan [Kempen/kesedaran/penjimatan].	Makluman Semua TWP dan TPAD di bawah skop EMS Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	7.5.2 PRESTASI PROSES, KEBERKESANAN DAN KEPATUHAN PERKHIDMATAN 7.5.2.1 Pencapaian Objektif Kualiti QMS Mesyuarat mengambil maklum Objektif Kualiti UPM terdiri daripada tiga (3) kategori iaitu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM, pencapaian Pelan Tindakan peringkat Fungsian dan Aras, dan Piagam Pelanggan (terdiri daripada proses utama Universiti dan proses sokongan dan operasi perkhidmatan sokongan). Perincian bagi Objektif Kualiti QMS UPM adalah sebagaimana Lampiran 10. (a) Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) 2016 dan Penetapan KPI 2017 Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pencapaian KPI 2016 dan penetapan KPI 2017 menerusi pembentangan oleh Pengarah Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm), serta mengambil tindakan berikut: - mengambil maklum pencapaian KPI UPM tahun 2016 telah dibincang dan dibentangkan pada Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Keempat 2016 bersama Pengurusan Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 19 Januari 2017. - mengambil perhatian semua ketidakpatuhan kepada pencapaian KPI yang ditemui telah dan sedang diambil tindakan pembetulan untuk penambahbaikan berterusan bagi memastikan tindakan yang diambil adalah berkesan. - mengambil maklum ringkasan pencapaian KPI UPM tahun 2016 iaitu sebanyak 88.55% yang merangkumi 34 KPI. Ringkasan pencapaian KPI mengikut peratusan adalah seperti berikut: - pencapaian 100% sebanyak 21 KPI; - pencapaian 75% hingga 99% sebanyak 10 KPI; - pencapaian 0% hingga 74% sebanyak 3 KPI. - mengambil maklum pencapaian KPI UPM tahun 2016 telah dibincang dan dibentangkan pada Bengkel Penilaian Pencapaian KPI Suku Keempat 2016 bersama Pengurusan Universiti dan Ketua Pusat Tanggungjawab (PTJ) pada 19 Januari 2017. - mengambil maklum pencapaian bagi sasaran KPI sukuan 1 (Q1) dan sukuan kedua (Q2) yang ditetapkan telah dibincang dan dibentangkan bersama Pengurusan Universiti dan Ketua PTJ pada siri bengkel seperti berikut: - KPI Suku Pertama 2017 pada 25 April 2017; - KPI Suku Kedua 2017 pada 27 Julai 2017.	Makluman Semua Peneraju KPI UPM Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	vi. mengambil maklum ringkasan pencapaian KPI UPM Q1 2017 iaitu sebanyak 75.17% yang merangkumi 32 KPI. Ringkasan pencapaian KPI mengikut peratusan adalah seperti berikut: • pencapaian 100% sebanyak 8 KPI; • pencapaian 75% hingga 99% sebanyak 9 KPI; • pencapaian 0% hingga 74% sebanyak 10 KPI; • pencapaian akan diukur pada Q2, Q3 atau Q4 sebanyak 5 KPI.	Makluman
	vii. mengambil maklum ringkasan pencapaian KPI UPM Q2 2017 iaitu sebanyak 70.3% yang merangkumi 32 KPI. Ringkasan pencapaian KPI mengikut peratusan adalah seperti berikut: • pencapaian 100% sebanyak 7 KPI; • pencapaian 75% hingga 99% sebanyak 5 KPI; • pencapaian 0% hingga 74% sebanyak 11 KPI; • pencapaian akan diukur pada Q3 atau Q4 sebanyak 9 KPI.	Makluman
	viii. mengambil perhatian mana-mana sasaran KPI Q2 yang berpotensi tidak mencapai sasaran yang ditetapkan akan diambil tindakan pencegahan bagi memastikan KPI yang ditetapkan mencapai sasaran.	Semua Peneraju KPI UPM
	(b) Pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras Mesyuarat dimaklumkan berhubung Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras oleh Ketua Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti serta mengambil tindakan berikut:	
	i. mengambil maklum pelaporan pencapaian Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras (PTFA) merupakan pertama kali dilaporkan sebagai sebagai Objektif Kualiti dan dibentangkan dalam MKSP.	Makluman
	ii. mengambil maklum ringkasan pengukuran Pelan Tindakan Peringkat Fungsian dan Aras adalah sebagaimana berikut: • 8 Objektif di bawah proses Utama iaitu Prasiswazah, Siswazah, Penyelidikan dan Inovasi; • 7 Objektif di bawah proses Sokongan iaitu Pengurusan Pelanggan, Kewangan, Latihan, Peralatan, Kemudahan Infrastruktur dan Kenderaan, Pengurusan Sumber Manusia, Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan, Pengurusan Keselamatan Makmal; • 42 Objektif di bawah proses Operasi Perkhidmatan Sokongan iaitu Pejabat Naib Canselor, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Pejabat Timbalan Naib Canselor (Jaringan Industri dan Masyarakat), Pejabat BURSAR, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Bahagian Keselamatan Universiti, Taman Pertanian Universiti, Pusat Kesihatan Universiti, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, Pusat Islam, Pusat Pembangunan	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN																
	7.5.2.2 Pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat Mesyuarat mengambil maklum berhubung Laporan Pencapaian Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2017 yang dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah sepertimana di Lampiran 13. Mesyuarat seterusnya mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Objektif ISMS telah disemak dan dikemaskini pada tahun 2017 mengambilkira aktiviti perluasan entiti bagi skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah ISMS yang melibatkan pihak UPM Kampus Bintulu. Penetapan objektif ISMS yang baharu ini telah dimasukkan dalam Manual Kualiti Sistem Keselamatan Maklumat (UPM/ISMS/PGR/MP) dan telah dibawa untuk kelulusan bersama menerusi Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-33 (Khas) secara edaran dan telah dikuatkuasa pada 26 Mei 2017. (b) mengambil maklum penetapan objektif ISMS tahun 2017 yang baharu adalah seperti berikut: <table><tr><th>Bil</th><th>Penyataan Objektif</th><th>Sasaran pencapaian</th><th>Peneraju</th></tr><tr><td>1.</td><td>Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah</td><td>100%</td><td>Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)</td></tr><tr><td>2.</td><td>Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian</td><td>80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)</td><td>Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)</td></tr><tr><td>3.</td><td>Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan</td><td>≤ 8 jam</td><td>Pasukan Pusat Data</td></tr></table>	Bil	Penyataan Objektif	Sasaran pencapaian	Peneraju	1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)	3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data	Makluman Makluman
Bil	Penyataan Objektif	Sasaran pencapaian	Peneraju															
1.	Memastikan pelajar prasiswazah yang mendaftar mengemukakan tawaran yang sah	100%	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)															
2.	Meningkatkan pembayaran yuran pengajian secara atas talian	80% (UPM Serdang) 60% (UPM Bintulu)	Pasukan Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu)															
3.	Memastikan proses pemulihan sistem aplikasi pendaftaran pelajar baharu dapat dilaksanakan	≤ 8 jam	Pasukan Pusat Data															

MINIT	AGENDA / CATATAN				TINDAKAN / MAKLUMAN
		4.	Memastikan <i>Service Level Agreement</i> (SLA) 95.0 sokongan ICT Pusat Data (rangkaian, sistem aplikasi dan pangkalan data) terhadap proses pendaftaran pelajar baharu bebas dari gangguan setiap semester	95%	Pasukan Pusat Data
		(c) mengambil maklum sebanyak satu (1) objektif telah dilaksana dan mencapai sasaran berdasarkan simulasi DRP Sistem SMP pada 12 Mei 2017 manakala baki tiga (3) lagi objektif akan diukur pencapaiannya semasa pendaftaran pelajar baharu prasiswazah sesi kemasukan 2017/2018 pada bulan September 2017. (d) mengambil perhatian terhadap perubahan Objektif dan Sasaran Keselamatan Maklumat tahun 2017 yang mula dipantau dan diukur keberkesanannya bermula pada 26 Mei 2017 bagi memastikan ianya sesuai, mencukupi dan dapat dilaksanakan dengan berkesan dalam Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat di UPM.			Makluman Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/ Peneraju ISMS
		7.5.2.3 Pelaksanaan Kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat Mesyuarat mengambil maklum berhubung laporan pelaksanaan kawalan di Pelan Pemulihan Risiko Keselamatan Maklumat tahun 2017 yang dibentang oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS adalah sepertimana di Lampiran 14. Mesyuarat seterusnya mengambil tindakan berikut:			Makluman Makluman
		(a) mengambil maklum pemulihan risiko mengandungi pemilihan kawalan yang diluluskan oleh Pihak Pengurusan Universiti berdasarkan cadangan kawalan keputusan penilaian risiko seperti berikut: i. Mengurangkan - keputusan ditentukan sekiranya implikasi terhadap risiko adalah kritikal samada <i>High</i> (tinggi) atau <i>Medium</i> (Sederhana). Pengurangan risiko dapat dilaksanakan melalui penambahbaikan dari segi operasi, prosedur, fizikal, individu atau teknikal;			

[illegible]

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	7.5.2.4 Pencapaian dan Sasaran Alam Sekitar Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pencapaian alam sekitar bagi tahun 2016 dan sasaran alam sekitar bagi tahun 2017 menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan ISO UPM, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Objektif EMS di UPM dibangunkan hasil daripada penilaian aspek impak alam sekitar yang signifikan iaitu: i. Penjimatan penggunaan kertas; ii. Penjimatan tenaga elektrik; iii. Pemantauan pelepasan asap bas bahan bakar diesel; iv. Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik; v. Pengendalian radioaktif mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; vi. Pengendalian bahan beracun mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan; dan vii. Pengendalian sisa buangan terjadual mengikut peraturan dan perundangan yang ditetapkan. (b) mengambil maklum laporan semakan pencapaian Objektif EMS telah dibuat semasa Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM kali ke-31 yang telah diadakan pada 17 Februari 2017 sebagaimana Lampiran 15. Mesyuarat mengambil perhatian tindakan pembetulan telah dikenalpasti oleh Peneraju Proses bagi objektif yang tidak mencapai sasaran. (c) mengambil maklum ringkasan pencapaian Objektif EMS Universiti Putra Malaysia tahun 2016 adalah seperti berikut: i. mencapai sasaran sebanyak 7 Objektif/Sub Objektif (78%); ii. tidak mencapai sasaran sebanyak 2 Objektif/Sub Objektif (22%). (d) mengambil maklum penilaian aspek impak secara menyeluruh telah dibuat pada tahun 2017, menerusi Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017. Penambahbaikan Daftar Aspek Impak EMS UPM telah dibuat hasil daripada laporan penemuan audit badan pensijilan tahun 2016. Mesyuarat dimaklumkan semakan dan penilaian semula telah dilaksanakan dan hasil penilaian tersebut, didapati sebanyak 35 aspek persekitaran yang signifikan dengan alam sekitar di UPM telah dikenal pasti.	Makluman Makluman & Tindakan: Peneraju Penjimatan Elektrik dan Peneraju Bahan Kimia Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	(e) mengambil maklum Mesyuarat Jawatankuasa Kerja EMS pada 27 April 2017 telah membuat semakan Objektif EMS dan membuat penambahbaikan objektif EMS berdasarkan ketentuan berikut: i. terpakai kepada Akta Kualiti Alam Sekeliling sahaja; dan ii. penilaian impak (Kebarangkalian Berlaku Pencemaran, Darjah Kerosakan kepada Alam Sekitar dan Kepentingan kepada Organisasi) adalah 'H' (tinggi/high). (f) mengambil perhatian mesyuarat Jawatankuasa Kualiti kali ke-35 telah bersetuju perubahan Objektif EMS UPM yang akan dipantau dan diukur bagi tempoh Julai hingga Disember 2017 sebagaimana Lampiran 16. 7.5.2.5 Penilaian Kepatuhan Pengurusan Alam Sekitar dengan Keperluan Perundangan dan Keperluan Lain Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan penilaian kepatuhan pengurusan alam sekitar dengan keperluan perundangan dan keperluan lain menerusi pembentangan oleh Pengerusi Jawatankuasa Penilaian Kepatuhan (JKPK) EMS UPM serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum JKPK EMS UPM telah melaksanakan penilaian kepatuhan terhadap laporan pemeriksaan skop penilaian kepatuhan Sistem Pengurusan Alam Sekitar tahun 2016 berdasarkan fasa penilaian yang telah ditetapkan. (b) mengambil maklum perincian laporan JKPK tahun 2016 sebagaimana Lampiran 17 yang melibatkan penilaian bagi skop berikut: i. Pengurusan Bahan Kimia; ii. Pengurusan Sisa Terjadual; iii. Pengendalian Bahan Beracun; iv. Bahan Radioaktif dan Radas Sinaran; v. Rumah Sembelihan (<i>Abattoir</i>); vi. <i>Terrestrial Animal Health Code</i>. (c) mengambil perhatian bagi tahun penilaian 2016, Universiti telah berjaya mematuhi keperluan undang-undang berkaitan pengendalian bahan beracun, radioaktif dan radas sinaran, rumah sembelihan (<i>Abattoir</i>), dan <i>Terrestrial Animal Health Code</i>. Manakala, Universiti tidak berjaya mematuhi keperluan perundangan yang berkaitan pengurusan bahan kimia dan sisa terjadual. Mesyuarat meminta Peneraju EMS melaksanakan tindakan pembetulan yang telah dikenalpasti bagi dua (2) skop yang tidak mematuhi keperluan perundangan ini.	Makluman Peneraju Objektif EMS Makluman Makluman Makluman & Tindakan: Pengarah Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	ii. pengisian waran kosong akademik dengan lebih giat oleh Pusat Tanggungjawab. iii. pelantikan kontrak dilaksanakan berdasarkan keperluan kritikal bagi mengurangkan bebanan kewangan universiti. Universiti menyasarkan pengurangan bilangan staf kontrak sebanyak 20% setiap tahun sehingga 2020 dan pembiayaan emolumen staf kontrak menggunakan tabung amanah PTJ. iv. pelantikan Penilai Luar dari luar negara sebagai Profesor Pelawat Kehormat untuk meningkatkan bilangan staf antarabangsa. v. perancangan pengisian jawatan Hospital Pengajaran UPM sebanyak 1,555 jawatan dilaksana dalam tempoh 3 tahun daripada tarikh Hospital Pengajar mula beroperasi (2018-2020). vi. inisiatif meningkatkan penggunaan dan penambahbaikan sistem teknologi maklumat dalam kecekapan urusan tadbir urus sumber manusia (melaksanakan pelan transformasi aplikasi sumber manusia dan lain-lain). vii. memperkenalkan perkhidmatan Amal Putra iaitu usaha Universiti untuk mengekalkan tenaga pakar dalam kalangan pesara untuk terus menyumbang secara sukarela kepada Universiti. viii. membangunkan bakat kepimpinan dan memantap pelan pengantian bakat Universiti. 7.5.3.2 Sokongan Sumber Kewangan (a) Mesyuarat mengambil maklum laporan yang dibentangkan sebagaimana Lampiran 19, serta mengambil tindakan berikut: i. mengambil perhatian laporan mengenai sokongan sumber kewangan UPM yang diperuntukkan bagi aktiviti pensijilan ISO UPM yang merangkumi: • urusan audit pensijilan pihak ketiga, termasuk caj audit, yuran tahunan dan keperluan pengangkutan dan penginapan juruaudit. • urusan audit dalaman, termasuk persediaan/latihan juruaudit dalaman. ii. mengambil maklum laporan MKSP 2018 akan mengambil kira kecukupan sokongan kewangan, sebagaimana keperluan standard, klausa 9.2.3 (d).	Bursar dan TWP Pejabat Bursar

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(b) Mesyuarat juga mengambil perhatian kesinambungan pengurusan kewangan bagi aktiviti kualiti, UPM turut memantau prestasi pembekal bagi memastikan pengurusan kewangan yang teratur. Laporan perincian prestasi pembekal UPM bagi tahun 2016 adalah sebagaimana Lampiran 20 .	Bursar dan TWP Pejabat Bursar
7.6	KOMUNIKASI, MAKLUM BALAS PELANGGAN/ PIHAK BERKEPENTINGAN DAN KAJIAN KEPUASAN PELANGGAN 7.6.1 Maklum Balas Pelanggan Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan maklum balas pelanggan (dalam dan luar) yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sepertimana di Lampiran 21 serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Sistem Maklum Balas Pelanggan atau dikenali sebagai U-Respons dibangunkan secara <i>in-house</i> oleh Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) dan mula digunakan pada tahun 2012. Sistem ini dipantau dan diselia setiap hari oleh PKPU dan dibantu oleh operator yang dilantik di peringkat induk di Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi, Pejabat Naib Canselor serta dilaporkan secara berkala kepada Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses. (b) mengambil maklum perbandingan jumlah kategori maklum balas dan jumlah kategori pengguna dari tahun 2015 hingga 2017 adalah seperti di Lampiran 21. (c) mengambil perhatian sebanyak 1078 maklum balas diterima sepanjang tempoh pelaporan bermula 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017 sepertimana pecahan berikut: i. 865 daripada keseluruhan maklum balas (aduan, cadangan, penghargaan dan pertanyaan) telah selesai dan baki 213 dalam proses tindakan; ii. sebanyak 276 aduan diterima, 255 telah selesai dan baki 21 dalam proses tindakan; iii. sebanyak 26 cadangan diterima, 15 telah selesai dan baki 11 dalam proses tindakan; iv. sebanyak 18 penghargaan diterima, 9 telah selesai dan baki 9 dalam proses tindakan; dan v. sebanyak 758 pertanyaan diterima, 586 telah selesai dan baki 172 dalam proses tindakan.	Makluman Makluman PKPU/Timbalan Wakil Pengurusan PP/PTJ

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	(d) mengambil maklum tiga (3) Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang mencatatkan jumlah maklum balas tertinggi adalah seperti berikut: i. Bahagian Kemasukan dan Bahagian Urus Tadbir Akademik (270 maklum balas dengan 242 daripadanya merupakan pertanyaan mengenai proses kemasukan dan permohonan masuk ke UPM); ii. Pusat Pembangunan Akademik (168 maklum balas dengan 110 daripadanya merupakan aduan yang berpunca daripada masalah Sistem Putra LMS yang berlaku pada awal tahun 2017); dan iii. Sekolah Pengajian Siswazah (91 maklum balas dengan 79 daripadanya merupakan pertanyaan). (e) mengambil perhatian dan tindakan berhubung cadangan berikut: i. memperluaskan capaian Sistem Maklum Balas Pelanggan (U-Respons) kepada Pegawai Khidmat Pelanggan UPM Holdings ekoran adanya maklum balas seperti pertanyaan dan aduan daripada pengguna berkaitan entiti berkenaan; dan ii. mewujudkan soalan lazim untuk rujukan semua pengguna Sistem U-Respons sebagai salah satu kaedah bagi mengurangkan jumlah pertanyaan yang berulang. 7.6.2 Maklum balas Pihak Berkepentingan Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan maklum balas pihak berkepentingan yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) sepertimana di Lampiran 22, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum laporan maklum balas pihak berkepentingan tahun 2017 menfokuskan kepada keperluan majikan dengan kerelevanan bidang pengajian dan kerjaya pelajar UPM. Maklumat yang diperolehi daripada Laporan Kajian Pengesanan Graduan Tahun 2016 menunjukkan UPM berjaya mengekalkan kecemerlangan dalam tahap kebolehpasaran graduan, iaitu sebanyak 83.5% sehingga Disember 2016. Pencapaian ini jelas membuktikan bahawa graduan UPM tidak mempunyai masalah untuk mendapatkan pekerjaan selepas menamatkan pengajian. (b) mengambil maklum Kajian Pengesanan Graduan 2016: i. bertujuan untuk meningkatkan kadar responden kajian atas dasar pelarasan tempoh kajian yang diarahkan oleh Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT);	Makluman PKPU Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	ii. tahap kesediaan setiap kaunter yang melayan pelajar baharu semasa proses pendaftaran; iii. tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter bendahari ketika menyerahkan slip/pembayaran yuran; iv. tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter keselamatan ketika penyerahan borang permohonan kad matrik; v. tahap kepuasan pelajar baharu semasa berurusan dengan kaunter Kolej Kediaman ketika pengambilan kunci bilik penginapan; dan vi. tahap kepercayaan pelajar baharu kepada kerahsiaan maklumat yang diserahkan kepada universiti semasa pendaftaran. (c) mengambil maklum secara keseluruhan, hasil soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra bagi Sesi Kemasukan Semester Pertama 2016/2017 menunjukkan: i. analisis kepuasan pelanggan menunjukkan 96% pelajar baharu yang mendaftar berpuas hati (skala empat dan skala lima) dengan semua perkhidmatan yang diberikan semasa hari pendaftaran iaitu soalan satu sehingga enam; ii. jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala lima (sangat memuaskan) adalah pada soalan dua iaitu tahap kesediaan setiap kaunter yang melayan pelajar baharu semasa proses pendaftaran manakala yang terendah yang memberikan skala lima adalah pada soalan satu iaitu tahap ketepatan maklumat dalam surat tawaran universiti berkaitan nama, no. kad pengenalan dan alamat surat-menyurat; iii. jumlah responden yang tertinggi yang memberikan skala satu (sangat tidak memuaskan) adalah kepada soalan satu iaitu maklumat pada surat tawaran manakala jumlah yang terendah yang memberikan skala satu adalah pada soalan enam iaitu tahap kepercayaan pada kerahsiaan data maklumat pelajar baharu yang diserahkan kepada universiti semasa hari pendaftaran; iv. walau bagaimanapun, borang soal selidik tidak meminta maklumat lebih terperinci berkenaan faktor yang menyebabkan responden memberikan skala satu pada soalan yang diajukan; dan	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	v. jika dilihat kepada tren, seramai 65 responden telah memberikan skala satu pada setiap soalan dalam borang soal selidik. Ini berkemungkinan responden betul-betul tidak berpuas hati dengan perkhidmatan yang diberikan, sengaja memberikan skala satu ataupun keliru berkenaan skala yang diberikan iaitu antara skala satu (sangat tidak memuaskan) dan skala lima (sangat memuaskan). walau bagaimana pun, borang soal selidik tidak meminta maklumat lebih terperinci berkenaan faktor yang menyebabkan responden memberikan skala satu pada soalan yang diajukan. (d) mengambil perhatian terhadap cadangan pelaksanaan soal selidik pihak yang berkepentingan ISMS tahun 2017 adalah seperti di Lampiran 23. Soal selidik ini dilaksanakan secara dua (2) kategori seperti berikut: i. Soal selidik pendaftaran pelajar baharu prasiswazah oleh Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Kampus Serdang dan Bintulu); dan ii. Soal selidik kepada PTJ yang menerima perkhidmatan Pusat Data di UPM oleh Peneraju Pusat Data. 7.6.4 Kajian Kepuasan Pelanggan Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Kajian Kepuasan Pelanggan yang dibentangkan oleh Penyelaras Kepuasan Pelanggan Universiti (PKPU) serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Kajian Kepuasan Pelanggan (KKP) merangkumi empat (4) kategori fungsi utama universiti iaitu prasiswazah, pascasiswazah, penyelidikan dan inovasi serta perkhidmatan sokongan. Kajian ini dilaksanakan menggunakan dua (2) kaedah iaitu melalui Borang Kajian Kepuasan Pelanggan dan juga melalui edaran borang secara atas talian. (b) mengambil maklum terdapat gangguan terhadap sistem KKP secara atas talian bermula pada bulan September 2016 hingga menyebabkan sistem terpaksa ditutup pada Oktober 2016. Sebagai alternatif, kaedah pengumpulan data digantikan dengan aplikasi <i>google form</i> sementara menunggu Sistem KKP baharu siap sepenuhnya. Gangguan ini telah menyebabkan jumlah responden berkurangan berbanding tahun sebelumnya. (c) mengambil maklum seramai 1584 responden telah menjawab soalan kajian secara atas talian (termasuk edaran) dan ianya telah melebihi jumlah minimum saiz sampel yang diperlukan untuk saiz populasi 30,000 pada tahap keyakinan 95% dan darjah ketepatan 5% adalah sebanyak 378 responden. Data yang diperolehi telah dianalisis menggunakan Perisian <i>Statistical Package for The Social Sciences</i> (SPSS) versi 24.	Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/ Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah/ Peneraju Pusat Data Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(d) mengambil maklum ringkasan perbandingan KKP berkaitan analisis pergerakan data dan skor mengikut skop perkhidmatan serta ringkasan hasil kajian adalah seperti di Lampiran 24. (e) mengambil perhatian bahawa semua skop perkhidmatan mencapai tahap kepuasan pelanggan yang telah ditetapkan iaitu 70% mencapai skala 4 dan 5 bagi skala likert 5. Secara keseluruhan, tahap kepuasan pelanggan UPM berada pada tahap yang baik dan boleh ditambah baik lagi pada masa hadapan. (f) mengambil perhatian terhadap cadangan penambahbaikan pada pelaksanaan KKP pada masa hadapan seperti berikut: - kemudahan fizikal lain adalah termasuk kemudahan ruang menunggu, kaunter penyambut tetamu, papan tanda arah, bilik mesyuarat, lif, surau, tandas dan kemudahan untuk Orang Kelainan Upaya (OKU); - terdapat 47 aduan berkaitan kemudahan fizikal dan perkhidmatan pelanggan di kaunter atau telefon. Peratus aduan yang dianalisa mendapati skop sokongan (n=68, 60.7%) lebih tinggi berbanding skop yang lain dimana masing-masing 18 di bawah skop pra siswazah, 17 di bawah skop pascasiswazah dan sembilan (9) di bawah skop penyelidikan dan Inovasi. - cadangan penambahbaikan lain yang diperolehi adalah terdiri daripada kemudahan tandas di PTJ, kemudahan tempat meletakkan kenderaan dan kemudahan surau. Peratus cadangan yang dikemukakan adalah terdiri daripada skop sokongan (n=69, 55.2%) dan di bawah kategori kemudahan fizikal awam sebanyak 50 cadangan (40%).	Makluman Makluman PKPU
7.7	PELAKSANAAN PENGURUSAN RISIKO DAN PELUANG	
	7.7.1 Pengenalpastian Risiko dalam Proses/Prosedur Kerja Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pengenalpastian risiko dalam proses/prosedur kerja menerusi pembentangan oleh Ketua Bahagian Bahagian Pengurusan Kualiti Perkhidmatan, Pusat Jaminan Kualiti seperti di Lampiran 25, serta mengambil tindakan berikut: - mengambil maklum bahawa keperluan mengenalpasti risiko adalah berdasarkan Standard MS ISO 9001:2015 di bawah klausa 6.1.1 iaitu berkaitan penentuan risiko dan peluang yang perlu dinyatakan. - mengambil maklum perubahan konseptual dalam ISO 9001:2015 yang memberi penekanan terhadap pendekatan proses yang menggabungkan Kitaran PDCA dan Pemikiran Berasaskan Risiko (<i>Risk Based Thinking, RBT</i>) seperti yang dinyatakan pada Annex A.4.	Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(c) mengambil maklum fokus penentuan risiko dalam proses kerja/prosedur kerja pada tahun 2017 adalah terhadap semua prosedur sediaada sebagaimana yang terdapat dalam Portal e-ISO. Pentaksiran risiko dikenalpasti berdasarkan carta alir proses kerja, dikenalpasti risiko pada setiap proses, dan seterusnya ditentukan tahap risiko menggunakan Matriks Keterukan dan Kemungkinan.	Makluman
	(d) mengambil maklum senarai dan tahap risiko yang telah dikenalpasti bagi setiap prosedur adalah seperti paparan 'Maklumat Rujukan Awal Pengenalpastian Risiko dalam Proses Kerja Sistem Pengurusan Kualiti' pada Portal e-ISO.	Makluman
	(e) mengambil maklum bahawa laporan keberkesanan tindakan bagi menyatakan risiko dan peluang sepertimana keperluan klausa 9.3.2 (Input Kajian Semula) Standard MS ISO 9001:2015 hanya dapat dilaporkan pada MKSP tahun berikutnya.	Makluman
	(f) mengambil perhatian berhubung cadangan tindakan penambahbaikan seperti berikut: i. mengenalpasti dan menyenaraikan proses kerja/SOP sebenar mengikut peneraju (proses utama, sokongan dan operasi), merekod dan melaksana RBT dalam semua proses kerja tersebut; ii. senarai risiko yang telah dikenalpasti kini, dianalisis kawalan sedia ada dan strategi tindakan, ditentukan sama ada untuk mengelak risiko, terima risiko kerana peluang, hapus sumber risiko atau pindahkan risiko, dan dibawa untuk kelulusan Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM; dan iii. risiko positif (peluang) juga akan dikenalpasti daripada senarai risiko yang dikemaskini.	KBPKP/ Semua Timbalan Wakil Pengurusan PP/PTJ
	(g) mengambil maklum tindakan yang dilaksana dalam pengenalpastian risiko merupakan pendekatan pencegahan yang membantu mengurangkan kesan yang tidak diingini, dan mencapai penambahbaikan yang dihasratkan.	Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	7.7.2 Penilaian Risiko Pengurusan Maklumat Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Penilaian Risiko Pengurusan Maklumat (ISMS) yang dibentangkan oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS (TWP ISMS), serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum penilaian risiko dilaksanakan dengan tujuan untuk menilai tahap risiko aset yang terlibat dalam proses melibatkan skop ISMS supaya pendekatan dan keputusan yang paling berkesan dikenalpasti bagi menyediakan perlindungan dan kawalan ke atas risiko aset berkenaan, berasaskan metodologi Penilaian Risiko Terperinci MyRAM (<i>Malaysian Public Sector ICT Risk Assessment Methodology</i>). Pengemaskinian MyRAM dilaksanakan apabila berlaku perubahan atau penambahan aset di dalam skop ISMS yang terlibat. Aset dinilai samada rendah (low), sederhana (medium) atau tinggi (high) berdasarkan ciri utama keselamatan iaitu kerahsiaan (confidentiality), integriti (integrity) dan ketersediaan (availability). (b) mengambil maklum terdapat sebanyak 784 aset telah dinilai dengan jumlah ancaman sebanyak 1250. Hasil penilaian yang dibuat pada April 2017 mendapati tiada aset dikategorikan berisiko tinggi, 296 aset berisiko sederhana dan 954 aset berisiko rendah. Perincian mengenai rumusan pelaporan adalah seperti di Lampiran 26. (c) mengambil perhatian terhadap bilangan aset dengan tahap risiko sederhana dan punca dominan yang dikenalpasti seperti berikut: - proses muatnaik data tawaran pelajar UPU Bahagian Kemasukan Akademik dengan punca dominan yang dikenalpasti adalah kebarangkalian data digodam dan data dimanupulasi; - proses pembayaran yuran pelajar baharu prasiswazah dengan punca dominan adalah masih terdapat pengendalian yuran secara tunai; - proses sistem sokongan (Pusat Data, Rangkaian, Keselamatan) dan Sistem Pangkalan Data dengan punca dominan disebabkan Bangunan lama berusia melebihi 50 tahun dan kedudukan Pusat Data di aras G serta peralatan sokongan berusia melebihi 5 tahun (rangkaihan, keselamatan, <i>server</i> dan DB); - sistem aplikasi kewangan dengan punca dominan penyelenggaraan <i>server</i> kewangan dibuat secara dalaman sahaja dimana perolehan alat ganti tidak dapat dilaksanakan segera.	Makluman Makluman Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/ Peneraju ISMS

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
7.8	KAWALAN KETAKAKURAN DAN TINDAKAN PEMBETULAN 7.8.1 Status Kawalan Ketakakuran Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan status kawalan ketakakuran menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan sebagaimana Lampiran 27, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum ketakakuran berlaku sekiranya produk/perkhidmatan tidak mematuhi keperluan yang ditetapkan dalam Standard, prosedur, arahan kerja, maklum balas pelanggan dan lain-lain sumber berkenaan di UPM. (b) mengambil maklum Universiti Putra Malaysia perlu mengenalpasti tindakan yang diambil untuk mengawal produk/perkhidmatan yang tidak akur menerusi satu atau lebih, kaedah di bawah, iaitu: i. hapuskan ketakakuran yang dikesan; ii. beri kelulusan penggunaan produk/perkhidmatan dengan kebenaran pihak yang berkuasa dan/atau pelanggan (jika berkenaan); iii. halang penggunaan produk/perkhidmatan tersebut; dan iv. ambil tindakan terhadap kesan atau kesan yang mungkin timbul daripada sesuatu ketakakuran setelah produk/perkhidmatan tersebut disampaikan atau digunakan. (c) mengambil perhatian laporan status kawalan ketakakuran bagi ISMS berkaitan pendaftaran pelajar baharu yang masih dalam proses tindakan. 7.8.2 Status Tindakan Pembetulan Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan status tindakan pembetulan menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan sebagaimana Lampiran 28, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum tindakan pembetulan perlu dilaksanakan apabila ketakakuran berlaku sekiranya tidak mengikut standard pencapaian KPI, pengukuran sasaran proses, Prosedur, Arahan Kerja, Kepuasan Pelanggan dan hasil pemantauan proses atau produk/ perkhidmatan di UPM. Sebarang ketakakuran yang ditemui direkodkan dan perlu dikenalpasti punca ketakakuran dan diambil tindakan pembetulan yang berkesan bagi memastikan ketakakuran tidak berulang. (b) mengambil maklum Status tindakan pembetulan adalah sebanyak dua (2) bagi Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), dua (2) bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) dan tiada laporan tindakan pembetulan bagi Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS).	Makluman Makluman Peneraju ISMS – Bahagian Hal Ehwal pelajar Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(c) mengambil perhatian laporan status tindakan pembetulan yang masih perlu diambil tindakan bagi memastikan keberkesanan tindakan, iaitu: i. tindakan pembetulan QMS yang tidak berkesan berkaitan KPI untuk mengekalkan kedudukan laman web UPM pada kedudukan tiga teratas; ii. tindakan pembetulan EMS yang masih dalam proses tindakan berkaitan Pengukuran objektif Penjimatan Elektrik tahun 2016; iii. tindakan pembetulan EMS yang masih dalam proses tindakan berkaitan Pengukuran objektif Pengendalian bahan kimia mengikut amalan terbaik tahun 2016.	TWP Perpustakaan Sultan Abdul Samad Peneraju Objektif (Pejabat Pembangunan dan Pengurusan Aset) Peneraju Objektif (Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)
7.9	TINDAKAN PENCEGAHAN Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan status tindakan pembetulan menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan sebagaimana Lampiran 29, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum tindakan pencegahan diambil bagi mengelakkan ketakakuran berlaku. Ia merangkumi proses mengenal pasti ketakakuran yang berpotensi akan berlaku yang boleh menjejaskan prestasi alam sekitar. (b) mengambil maklum kaedah UPM menentukan tindakan pencegahan adalah menerusi laporan pencapaian objektif dan sasaran alam sekitar yang diukur pada pertengahan tahun, semakan sendiri bagi proses pengurusan alam sekitar, pemerhatian dan sebagainya. (c) mengambil maklum UPM telah mengenal pasti di peringkat awal ketakakuran yang berpotensi berlaku dan seterusnya merancang tindakan pencegahan bagi memastikan ketakakuran tidak akan berlaku. (d) mengambil perhatian status tindakan pencegahan EMS yang direkodkan adalah sebanyak dua (2) laporan dan yang masih dalam proses tindakan bagi bagi mengelakkan ketakakuran berlaku pada masa akan datang, iaitu: i. pengurusan sisa terjadual (kimia/klinikal/e-waste) berpotensi tidak mematuhi perundangan berkaitan; ii. kemudahan yang mencemarkan udara (kebuk wasap yang mempunyai cerobong/serombong) berpotensi tidak mencapai sasaran bagi Objektif EMS dan tidak patuh kepada keperluan perundangan.	Makluman Makluman Makluman Pejabat Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (PPKKP) PPKKP

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
7.10	PERUBAHAN YANG MEMBERI KESAN 7.10.1 Pembentukan dan Semakan Dasar Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan pembentukan dan semakan Dasar ISO menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan sebagaimana Lampiran 30, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Dasar ISO di UPM dibentuk berdasarkan keperluan Standard ISO iaitu: - Dasar Kualiti berdasarkan keperluan Standard MS ISO 9001:2015 Klaus 5.2.1; - Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat berdasarkan keperluan Standard MS ISO/IEC 27001:2013 klaus 5.2; - Dasar Sistem Pengurusan Alam Sekitar berdasarkan keperluan Standard MS ISO 14001:2004 Klaus 4.2. (b) mengambil maklum semua dasar yang dibentuk perlu disemak kesesuaian dari masa ke semasa selaras keperluan yang dinyatakan. (c) mengambil maklum semakan terhadap Dasar Kualiti dibuat oleh Lembaga Pengarah Universiti (LPU) dan dasar kini dibuat pada 20 Jun 2017 berdasarkan keperluan standard baharu ISO 9001:2015. Mesyuarat mengambil perhatian apa-apa dasar atau polisi mengenai pengurusan kualiti Universiti Putra Malaysia yang berkuat kuasa sebelum ini adalah dimansuhkan. Mesyuarat meminta Dasar Kualiti terkini dipaparkan/digunapakai di semua Pusat Tanggungjawab. (d) mengambil perhatian Dasar Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat dan Dasar Sistem Pengurusan Alam Sekitar sedia ada adalah sesuai dan masih relevan bagi pelaksanaan ISMS dan EMS di UPM pada tahun 2017. (e) mengambil perhatian selain daripada 3 dasar ISO (QMS, ISMS dan EMS) yang digunakan di UPM, terdapat juga dasar lain yang digunakan di UPM yang dirujuk dan berkaitan, seperti Dasar Kelestarian Hijau dan lain-lain. Mesyuarat mencadangkan supaya dasar terpakai di UPM dimaklum/dihebah kepada warga universiti. 7.10.2 Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Perubahan yang Memberi Kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan sebagaimana Lampiran 31, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum status perubahan yang telah dibuat iaitu sebanyak dua (2) telah dilaksanakan secara berterusan dan sebanyak 13 dalam proses pelaksanaan.	Makluman Makluman / Tindakan: Semua Ketua PTJ & TWP Makluman Pejabat Pendaftar dan Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	(b) mengambil perhatian 13 perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Kualiti yang dilaporkan masih dalam proses tindakan pelaksanaan, iaitu: i. kuat kuasa ISO 9001:2015; ii. inisiatif visibiliti pertanian; iii. program pemindahan ilmu dan kepakaran penyelidikan; iv. Geran Putra Berimpak; v. Penawaran program 2u2i, iaitu program Pembelajaran Berasaskan Kerja (Work-Based Learning); vi. Pengurusan Tabung Kutipan dan Agihan Dana Wakaf Ilmu UPM; vii. Pelaksanana Pengurusan Risiko UPM yang menyeluruh; viii. Pemantapan pelaksanaan program <i>Summer School</i>; ix. Siri Program Temu Mesra Alumni; x. Program Penajaan Biasiswa Pendidikan Kolaborasi Antara UPM-Yayasan Sime Darby; xi. Bengkel Pemantauan Geran Putra IPB dan Geran RACE; xii. Pelaksanaan amalan pembelajaran berimpak tinggi ini (HIEPs atau <i>High Impact Educational Practices</i>), <i>Service/Community Based Learning (SL)</i>; xiii. Penstrukturan pentadbiran UPM Kampus Bintulu.	Pengarah, Pusat Jaminan Kualiti Dekan, Fakulti Pertanian Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) (TNCPI) TNCPI Timbalan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) (TNCAA) Pengarah, WAZAN Pengarah CoSComm TNCAA Pengarah, Pusat Alumni TNCJINM Pengarah RMC Pengarah CADE Dekan/ Pentadbiran Kampus Bintulu

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	7.10.3 Perubahan yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Keselamatan Maklumat Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Perubahan Yang Memberi Kesan Kepada Pengurusan Keselamatan Maklumat bagi tempoh 1 Julai 2016 hingga 15 Ogos 2017 menerusi pembentangan oleh Timbalan Wakil Pengurusan ISMS serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat merangkumi aspek perubahan yang dilihat dari segi penstrukturan organisasi, perubahan terhadap proses kerja melalui teknologi dan inovasi, pelan tindakan Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya yang memberi kesan kepada sistem penyampaian perkhidmatan dan pencapaian universiti. (b) mengambil maklum sebanyak tiga (3) perubahan telah dilaksanakan manakala dua (2) lagi sedang dalam proses pelaksanaan. Perincian laporan perubahan yang memberi kesan kepada Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat adalah seperti pada Lampiran 32. (c) mengambil perhatian terhadap 2 perubahan yang sedang dilaksanakan yang perlu dipantau pelaksanaannya semasa kemasukan pelajar baharu prasiswazah sesi 2017/2018 sepertimana berikut: i. memperluaskan entiti skop pendaftaran pelajar baharu prasiswazah melibatkan UPM Kampus Bintulu; dan ii. melaksanakan pra pendaftaran pelajar baharu melalui aplikasi atas talian eDaftar. 7.10.4 Daftar Undang-undang yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan Daftar Undang-undang yang memberi Kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar menerusi pembentangan oleh wakil Penasihat Undang-Undang sebagaimana Lampiran 33, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.2, UPM telah membangun dan mengekalkan Prosedur Undang-undang dan Keperluan Lain yang bertujuan untuk mengenalpasti, mengakses, mengemas kini, menyenggara dan berkomunikasi dengan semua undang-undang yang berkaitan dan lain-lain keperluan yang terus terpakai bagi aktiviti-aktiviti UPM yang berkaitan dengan alam sekitar;	Makluman Makluman Timbalan Wakil Pengurusan ISMS/Peneraju Pendaftaran Pelajar Baharu Prasiswazah (Serdang dan Bintulu) Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
	(b) dimaklumkan hasil daripada pengenalpastian undang-undang semasa yang berkaitan dengan skop Sistem Pengurusan Alam Sekitar, UPM telah menyediakan Senarai Daftar Undang-undang dan Keperluan lain yang berkaitan sebagai rujukan pelaksanaan EMS di UPM; (c) mengambil perhatian semakan dan perubahan Senarai Daftar Undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan telah dibuat bagi menghasilkan rujukan undang-undang adalah terkini dan relevan.	Makluman Makluman
	7.10.5 Penilaian Aspek Impak yang Memberi Kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan penilaian aspek impak yang memberi kesan kepada Pengurusan Alam Sekitar menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Daftar Aspek Impak EMS UPM dibangunkan berdasarkan keperluan Standard Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 klausa 4.3.1 yang mengandungi semua aktiviti dan proses yang boleh memberi kesan terhadap alam sekitar di UPM iaitu impak kepada udara, air, tanah, bunyi dan sumber alam. Penilaian perlu dibuat mengambilkira penglibatan akta dan perundangan, kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar, dan kepentingan kepada organisasi. (b) mengambil maklum Daftar Aspek Impak UPM yang dibangunkan perlu disemak secara berkala supaya aspek dan aktiviti yang dilaksanakan di UPM dapat dikenalpasti secara menyeluruh dan bersesuaian. (c) mengambil maklum perubahan Daftar Aspek Impak Edisi 3.0 telah mula berkuatkuasa pada 24 Mac 2017. Daftar ini telah ditambahbaik secara menyeluruh hasil daripada laporan ketakakuran (NCR) penemuan Audit Pemantauan Semakan 2, Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) MS ISO 14001:2004 pada tahun 2016. (d) mengambil maklum perubahan menyeluruh Daftar Aspek Impak EMS Edisi 3.0 adalah merangkumi perkara berikut: - pembahagian impak alam sekitar kepada lima (5) iaitu udara, tanah, air, bunyi dan sumber alam; - aspek persekitaran berdasarkan aktiviti yang dijalankan di UPM; - kriteria penilaian bagi impak dan penentuan aktiviti yang signifikan dengan UPM adalah berdasarkan penilaian impak (Kebarangkalian berlaku pencemaran, darjah kerosakan kepada alam sekitar dan kepentingan kepada organisasi) dan penentuan signifikan yang telah ditetapkan sebagaimana Lampiran 34;	Makluman Makluman Makluman

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	iv. pengenalpastian undang-undang dan keperluan lain yang berkaitan bagi aktiviti yang melibatkan undang-undang; v. pengenalpastian kawalan sedia ada atau cadangan aktiviti bagi aspek persekitaran yang disenaraikan; vi. Pusat Tanggungjawab (PTJ) yang terlibat bagi setiap aktiviti yang disenaraikan. (e) mengambil perhatian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar EMS UPM Edisi 3.0 yang telah berkuatkuasa pada 24 Mac 2017 perlu dirujuk oleh PTJ dalam melaksanakan EMS. Perincian Daftar Aspek Impak Alam Sekitar UPM Edisi 3.0 boleh dirujuk dalam portal Sistem Pengurusan ISO (e-ISO) UPM di bawah pautan Dokumentasi EMS ISO 14001.	Makluman Semua Ketua PTJ & TWP di bawah skop EMS
7.11	PELUANG PENAMBAHBAIKAN Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan peluang penambahbaikan menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum peluang penambahbaikan direkodkan berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pemantauan proses produk/perkhidmatan, hasil laporan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI) UPM dan sebagainya. (b) mengambil maklum sebanyak lima (5) peluang penambahbaikan (OFI) telah direkodkan di bawah Sistem Pengurusan Kualiti (QMS), satu (1) OFI di bawah Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) dan tiada laporan OFI bagi Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS). Perincian mengenai laporan peluang penambahbaikan adalah seperti pada Lampiran 35. (c) mengambil perhatian terhadap cadangan tarikh pelaksanaan tindakan bagi peluang penambahbaikan yang perlu dipantau oleh peneraju QMS dan ISMS yang terlibat.	Makluman Makluman Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) ISMS/ Peneraju Pusat Data & TWP TNC PI/ TWP TNC JINM

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/MAKLUMAN
7.12	HAL-HAL LAIN 7.12.1 Persediaan Audit Badan Pensijilan Mesyuarat dimaklumkan berhubung laporan persediaan audit badan pensijilan menerusi pembentangan oleh Wakil Pengurusan, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum Audit oleh pihak ketiga (Badan pensijilan SIRIM) dilaksanakan pada setiap tahun untuk memastikan UPM mendapat dan mengekalkan pensijilan bagi QMS, ISMS dan EMS di UPM. Jadual pelaksanaan audit di UPM telah dibentang dan dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti Kali ke-32, yang merangkumi tarikh audit, peringkat audit, tarikh akhir penghantaran pelan tindakan ke SIRIM dan tarikh akhir penghantaran bukti tindakan pembetulan. (b) mengambil maklum tarikh audit dan senarai juruaudit yang terlibat sebagaimana Lampiran 36. Maklumat persediaan audit badan pensijilan yang merangkumi keperluan kemudahan di PTJ, kesediaan PTJ dan tanggungjawab auditi semasa pelaksanaan audit telah dilaporkan pada Mesyuarat Jawatankuasa Kualiti UPM kali ke-36 pada 10 Ogos 2017. (c) mengambil perhatian butiran pelaksanaan audit badan pensijilan oleh SIRIM bagi tahun 2017 dan meminta tindakan memaklumkan kepada staf di PTJ masing-masing berkaitan audit badan pensijilan oleh SIRIM. 7.12.2 Cadangan Pemantapan Struktur Pengurusan Risiko Universiti Mesyuarat dimaklumkan berhubung Cadangan Pemantapan Struktur Pengurusan Risiko Universiti menerusi pembentangan oleh Pengarah, Pejabat Strategi Korporat dan Komunikasi (CoSComm) sepertimana di Lampiran 37, serta mengambil tindakan berikut: (a) mengambil maklum berdasarkan Garis Panduan Pengurusan Risiko UPM, terdapat lima (5) kategori risiko yang telah diklasifikasikan seperti berikut: - Strategik iaitu berkaitan pengurusan risiko bagi memastikan objektif strategik universiti dalam jangka masa panjang dipantau dengan berkesan. Faktor yang memberi kesan ialah seperti modal, risiko politik, perubahan perundangan, reputasi dan perubahan persekitaran secara fizikal; - Operasi iaitu berkaitan dengan isu harian yang dihadapi oleh universiti untuk mencapai matlamat objektif strategik;	Makluman Makluman Semua Ketua PTJ dan TWP

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN / MAKLUMAN
	iii. Kewangan iaitu berkaitan dengan keberkesanan pengurusan dan kawalan kewangan universiti serta kesan daripada faktor luaran seperti kebolehadan pinjaman, kadar tukaran wang asing dan lain-lain; iv. Pengurusan Ilmu Pengetahuan iaitu perkara berkaitan dengan pengurusan dan kawalan terhadap ilmu pengetahuan, produktiviti, perlindungan dan komunikasi terhadap pengurusan; dan v. Pematuhan iaitu perkara yang perlu diambil berat berkaitan keselamatan dan kesihatan, persekitaran, perlindungan sistem data dan maklumat, amalan pekerjaan dan isu perundangan lain yang berkaitan. (b) mengambil maklum cadangan Pemantapan Struktur Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti yang merangkumi struktur risiko berikut iaitu: i. Pengajaran Pembelajaran Pra Universiti; ii. Pengajaran Pembelajaran Prasiswazah; iii. Pengajaran Pembelajaran Siswazah; iv. Penyelidikan dan Inovasi; v. Perkhidmatan Sokongan; vi. Pengurusan Pelanggan; vii. Latihan/Kompetensi Staf; viii. Pengurusan Sumber Manusia; ix. Kewangan; x. Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan; xi. Keselamatan Maklumat; dan xii. Pengurusan Alam Sekitar. (c) mengambil perhatian cadangan pemantapan Struktur Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti yang dilihat secara bersama dan diselaraskan dengan Struktur Jaminan Kualiti Universiti, yang memberi implikasi terhadap perkara berikut: i. Pelantikan semula Jawatankuasa Kerja Pengurusan Risiko Universiti; ii. Pemantapan terma rujukan (TOR) Timbalan Wakil Pengurusan Peneraju Proses/PTJ, yang akan memasukkan elemen pengurusan risiko; iii. Pelaksanaan pengurusan risiko kategori strategik kekal di bawah pengurusan CoSComm, dan dilapor kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja; iv. Pelaksanaan <i>Risk Based Thinking</i> (RBT) dalam proses kerja (kategori operasi) di letakkan di bawah penyelarasan Pusat Jaminan Kualiti (CQA), dan dilapor kepada Pengerusi Jawatankuasa Kerja; dan v. Pengerusi Jawatankuasa Kerja adalah Pengarah CoSComm.	

MINIT	AGENDA / CATATAN	TINDAKAN/ MAKLUMAN
	KESIMPULAN KESELURUHAN Secara keseluruhannya didapati bahawa Dasar Kualiti, Dasar Keselamatan Maklumat dan Dasar Alam Sekitar Universiti Putra Malaysia (UPM) adalah sesuai dan dikekalkan. Pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) MS ISO 9001:2008 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS)ISO/IEC 27001:2013 adalah mencukupi dan berkesan. Walau bagaimanapun bagi pelaksanaan Sistem Pengurusan Alam Sekitar (EMS) ISO 14001:2004, skop EMS kini didapati mempunyai kekangan terhadap pengukuran dan pematuhan perundangan. Justeru, skop EMS perlu diteliti agar pelaksanaan EMS lebih realistik. UPM berupaya mengekalkan pensijilan: 1. QMS MS ISO 9001:2008, dan berusaha agar 4 entiti yang kini terkecuali dimasukkan dalam skop pensijilan. 2. ISMS MS ISO/IEC 27001:2013, dan berusaha membuat penambahan entiti dengan melibatkan juga proses pendaftaran pelajar baharu prasiswazah semasa Minggu Perkasa Putra di kampus Bintulu, serta peluasan skop yang melibatkan Penilaian Pengajaran <i>Online</i> dan Aktiviti Perlindungan Harta Intelekt (UPM IP). 3. EMS ISO 14001:2004, dengan skop baharu yang lebih realistik. Kesimpulannya pihak Universiti bersedia untuk menghadapi audit oleh badan pensijilan yang akan dilaksanakan pada tahun 2016	Makluman
	PENANGGUHAN Mesyuarat tamat pada jam 5.45 petang dengan ucapan terima kasih daripada Pengerusi.	